

26 MAY 1996

Kren - Jatuh

KREN DI MENARA ALOR SETAR JATUH

ALOR SETAR, 26 Mei (Bernama) -- Sebuah kren yang dipasang di puncak Menara Alor Setar, yang sedang dalam pembinaan, jatuh lalu menimpa bumbung podium di kaki menara itu, hari ini.

Seorang pekerja di tapak pembinaan itu, yang enggan dikenali, berkata kren itu, yang dipasang minggu lepas, sedang diuji dengan mengangkat bahan binaan seberat dua tan.

Podium itu yang hampir siap mengalami keretakan di bahagian bumbung manakala lantainya berlubang dan sebahagian lagi retak akibat hentakan kuat daripada kren itu.

Semasa kejadian itu, terdapat kira-kira 10 pekerja berada di bawah menara itu, katanya.

Bagaimanapun tiada yang mengalami kecederaan dalam kejadian pukul 2.40 petang itu.

Seorang pekerja lain, yang sedang menggunakan tandas di podium itu, bergegas melarikan diri apabila mendengar bunyi dentuman yang kuat dan gegaran di bangunan itu, katanya.

Menurutnya keadaan cuaca baik dan tiada tiupan angin kencang semasa kejadian itu berlaku.

Menara telekomunikasi itu mula dibina pada 1994 dan mempunyai ketinggian 165.5 meter.

Ia dimiliki Telekom Malaysia Berhad dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pernah menyempurnakan majlis meletak batu asas menara itu.

-- BERNAMA

MZM MFJ NAK